

KURSUS KEIBUBAPAAAN

HOSPITAL BINTULU 2016

Pada 9hb April 2016, Persatuan Kebajikan Perkhidmatan Psikiatri Hospital Bintulu dengan kerjasama Unit Terapi Cara Kerja Hospital Bintulu telah menganjurkan Kursus Keibubapaan 2016 yang bertempat di Auditorium Perpustakaan BDA, Bintulu.

Kursus tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Seramai 104 orang yang terdiri daripada orang awam, dan kakitangan Hospital Bintulu telah menyertai kursus tersebut.

Pelbagai program yang menarik telah dijalankan seperti ceramah berhubung dengan isu-isu umum kesihatan mental kanak-kanak dan isu perkembangan kanak-kanak. Bengkel dan forum keibubapaan turut diadakan.

